

Kesahan dan Kebolehpercayaan MyGSI dalam Mengukur Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berkumpulan Guru Pelatih Bahasa Melayu
(The Validity and Reliability of MyGSI in Measuring Communication Skills, Leadership and Teamwork among Malay Language Teacher Trainees)

ZAMRI MAHAMOD & ANISAH ALIAS

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kemahiran generik, iaitu Malaysian Generic Skills Instrument (MyGSI). Kajian ini menggunakan 81 item MyGSI daripada 149 item setelah dianalisis menggunakan Gender Differential Item Functioning (GDIF). Instrumen ini ditadbir kepada 127 orang bakal guru opsyen Bahasa Melayu di sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan sebuah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). MyGSI mengukur tiga konstruk, iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan dengan menggunakan lima mata skala Likert. Model Rasch digunakan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Model Rasch digunakan kerana mampu mengukur kebolehpercayaan individu dan item di samping berupaya menunjukkan hasil analisis berkaitan individu dan item dalam satu lajur linear yang sama. Winsteps versi 3.64.2 digunakan dalam menguji instrumen. Nilai indeks kebolehpercayaan individu yang diperolehi bagi konstruk kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan adalah antara 0.86 hingga 0.90. Manakala nilai indeks kebolehpercayaan item bagi ketiga-tiga konstruk tersebut adalah antara 0.71 hingga 0.90. Kajian ini juga dapat mempersembahkan satu susunan item-item mengikut aras kesukaran mengikut tahap-tahap yang dipersetujui oleh pelajar. Hierarki item adalah mengikut aras kesukaran meningkat telah membuktikan instrumen MyGSI memiliki kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk menguji kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan guru pelatih Bahasa Melayu.

Kata kunci: Kemahiran generik, guru Bahasa Melayu, kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berkumpulan

ABSTRACT

This study aimed to determine the validity and reliability of a generic skills instrument, namely Malaysian Generic Skills Instrument (MyGSI). This study used 81 MyGSI items from the original 149 items after it was analyzed using the Gender Differential Item Functioning (GDIF). The instrument was administered on 127 Malay Language teacher trainees. MyGSI measures three construct: communication skills, leadership and teamwork by using five point Likert scale. Rasch model were used to test the validity and reliability of MyGSI because it can measure the reliability of individual items as well and be able to show results and analysis related to individual items in one similar linear column. Winsteps version 3.64.2 was used in the test instrument. Reliability index values obtained for individual construct communication, leadership and teamwork skills is between 0.86 to 0.90. The value index of item reliability for the three constructs are between 0.71 to 0.90. This study also presents an order of items according to level of difficulty according to levels agreed upon by the Malay Language teacher trainees. Hierarchy items according to increased level of difficulty indicated that MyGSI instruments proven to have high validity and reliability values to test communication skills, leadership and teamwork among Malay Language teacher trainees.

Keywords: Generic skill, Malay Language teacher, communication skill, leadership skill, teamwork skill

PENGENALAN

Kemahiran generik dianggap sebagai satu kemahiran penting yang perlu ada bagi setiap individu sebagai satu kompetensi dalam diri mereka. Kemahiran ini perlu dilatih supaya rakyat Malaysia mempunyai sumber (manusia) yang dapat menggerakkan kemahiran dalam pelbagai bidang. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan tempat yang paling sesuai bagi mengembangkan tahap kemahiran generik pelajar (Allan & Clarke 2007; Ballantine & Larres 2007; Bennett, Dunne & Carre 2000; Biggs 2003; Havard, Hughes & Clark 1998; Jager & Nassimbeni 2005; Lizzio & Wilson 2004; Lublin 2003). Kebelakangan ini, terdapat pelbagai persepsi umum berkaitan pencapaian pelajar institusi pendidikan tempatan yang didapati kurang berketerampilan berbanding dengan institusi pendidikan luar negara. Timbul persoalan adakah sistem pendidikan kita kurang berkesan? Ataupun tenaga pengajar kita kurang berketerampilan? Sehubungan itu, peranan IPT dan Institusi Pendidikan Guru (IPG) bukan sahaja dianggap sebagai institusi dalam proses mengembang dan membudayakan ilmu, malah bertanggungjawab untuk memenuhi aspirasi dan jangkaan masyarakat serta negara dengan melahirkan pelajar yang berketerampilan, mampu berfikir secara rasional, kritis, kreatif, inovatif, berdisiplin dan berakhlak mulia (Ishak 1998; Norfadzillah 1997). Ini kerana negara bukan sahaja memerlukan cendekiawan dalam bidang akademik semata-mata, malah mereka juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran, termasuk kemahiran generik.

Tugas guru tidak lagi terhad kepada memberikan ilmu pengetahuan sahaja, malah setiap bakal guru seharusnya memiliki tahap kemahiran generik yang tinggi agar dapat diimplementasikan kepada setiap pelajar. Guru bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu kepada pelajar, tetapi juga menyediakan ahli-ahli masyarakat yang mampu menghadapi dan menerima proses pembaharuan. Sehubungan itu, elemen-elemen dalam kemahiran generik harus diperhalusi dan diterapkan dalam kalangan pelajar sekolah melalui pendekatan proses pembelajaran yang bercorak kritis dan kreatif. Antara kemahiran generik yang perlu diterapkan ialah kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berkumpulan,

kemahiran menggunakan teknologi maklumat, kemahiran kepimpinan dan sebagainya yang membolehkan pelajar bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Bagi menentukan tahap kemahiran generik yang dimiliki oleh guru pelatih Bahasa Melayu dalam kajian ini, *Malaysian Generic Skills Instrument* (MyGSI) merupakan instrumen yang paling sesuai digunakan. Sehubungan itu pengkaji telah menguji kesesuaian instrumen MyGSI dengan khalayak bakal guru memandangkan belum ada kajian sebelum ini menguji tahap kemahiran generik bakal guru dengan menggunakan instrumen MyGSI. Instrumen MyGSI telah diguna pakai oleh pengkaji sebelumnya untuk menguji tahap kemahiran generik individu di Malaysia. Berdasarkan kajian-kajian yang terdahulu yang menggunakan MyGSI didapati instrumen tersebut memiliki kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan indeks kebolehpercayaannya menghampiri angka 1 (Bond & Fox 2001).

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan kebolehpercayaan individu dan kebolehpercayaan item ketiga-tiga konstruk dalam MyGSI. Kajian ini juga memaparkan pemetaan kesukaran individu dan item dalam satu rajah. Pemetaan kesukaran individu dan item dapat menunjukkan dengan jelas satu hierarki aras kesukaran item dan individu pada satu garis lurus.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif. Populasi kajian merupakan pelajar program pendidikan opsyen Bahasa Melayu di IPTA dan IPGM. Sampel kajian dibahagikan mengikut institusi. Seramai 127 orang pelajar (40 orang lelaki, 87 orang perempuan) terlibat secara langsung di dalam kajian ini. Data dianalisis menggunakan program Winsteps versi 3.64.2. Kajian ini menggunakan 81 item MyGSI yang dicadangkan oleh Siti Rahayah et al. (2008) daripada 149 item sebelumnya. Skala Likert 5 mata digunakan bagi melihat persepsi guru pelatih Bahasa Melayu terhadap item. Terdapat tiga konstruk kemahiran generik yang diuji di dalam MyGSI, iaitu 31 item kemahiran komunikasi, 27 item kemahiran kepimpinan dan 23 item kemahiran kerja berkumpulan.

DAPATAN KAJIAN

PROFIL RESPONDEN

Seramai 127 orang bakal guru telah dijadikan guru pelatih Bahasa Melayu kajian. Daripada jumlah tersebut seramai 57 orang (44.88%) pelajar IPTA dan 70 orang (55.12%) pelajar IPGM. Jumlah antara bakal guru lelaki dan perempuan juga berbeza, iaitu bakal guru perempuan mengatasi jumlah bakal guru lelaki dengan nisbah 40 orang pelajar lelaki (31.50%) berbanding 87 orang bakal guru perempuan (68.50%). Dari segi kelulusan masuk ke IPTA dan IPGM, majoriti bakal guru, iaitu seramai 58 orang (45.67%) memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), 50 orang bakal guru (39.37%) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 15 orang (11.81%) memiliki kelulusan Matrikulasi dan 4 orang bakal guru (3.15%) memiliki Diploma.

JADUAL 1. Profil Latar Belakang Guru Pelatih Bahasa Melayu

Item Demografi	N	Faktor	Kekerapan	Peratus
Nama Institut	127	IPTA	57	44.88
		IPGM	70	55.12
Jantina Guru pelatih Bahasa Melayu	127	Lelaki	40	31.50
		Perempuan	87	68.50
Kelulusan Masuk Universiti	127	SPM	50	39.37
		STPM	58	45.67
		Matrikulasi	15	11.81
		Diploma	4	3.15

KEMAHIRAN GENERIK KOMUNIKASI GURU OPSYEN BAHASA MELAYU

Data ini dianalisis menggunakan program Winsteps versi 3.64.2 untuk mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan instrumen MyGSI.

Analisis Model Rasch memaparkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen di dalam Jadual 2 hingga 7. Jadual 2 menunjukkan indeks kebolehpercayaan individu ialah 0.87. Nilai ini merupakan nilai yang baik (Sekaran 2003) untuk menjangkakan tahap ketekalan susunan kedudukan individu pada skala logit sekiranya sampel ini menjawab set item yang berbeza tetapi mengukur konstruk yang sama (Wright & Masters 1982). Nilai indeks pemisahan individu pula ialah 2.64, yang bermaksud terdapat tiga tahap kebolehan guru pelatih Bahasa Melayu yang dikenal pasti dalam kajian ini. Nilai ini menunjukkan kebolehpercayaan sampel yang tinggi, iaitu 0.80 (Linacre 2006).

Jadual 3 mempamerkan indeks kebolehpercayaan item ialah 0.90. Nilai kebolehpercayaan 0.90 adalah tinggi kerana menghampiri nilai 1.0 (Wright & Masters 1982). Ini bermaksud jangkakan pengulangan semula susunan kedudukan item konstruk komunikasi adalah tinggi jika set ini dijawab oleh kumpulan sampel yang lain tetapi sepadan dari segi kebolehan (Wright & Masters 1982). Nilai pemisahan item ialah 3.08 yang bermaksud item-item konstruk komunikasi di dalam skala ini dapat dibezakan secara statistik kepada tiga aras kesukaran.


Rajah 1 memperlihatkan dengan jelas satu hierarki kebolehan individu dan kesukaran item dalam satu garis lurus. Didapati semua item tersebar dengan baik dan menghala ke sasaran pelbagai aras kebolehan sampel. Kesimpulannya set item ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana item-item konstruk komunikasi dengan pelbagai aras kesukaran berjaya mengukur tahap komunikasi guru pelatih Bahasa Melayu (Bond & Fox 2001).

JADUAL 2. Rumusan Kebolehpercayaan Individu Konstruk Komunikasi

	Skor Mentah	Kiraan	Ukuran Kesukaran	Ralat Model	Infit		Outfit	
					Min.	Zon Standard	Min.	Zon Standard
Min.	118	31	1.29	0.3	1.05	-0.1	1.02	-0.2
SP	11.1	0	0.97	0.03	0.75	2.4	0.73	2.4
Mak.	143	31	3.87	0.36	6.13	8.6	6	8.3
Min.	75	31	-1.36	0.2	0.08	-5.5	0.07	-5.8
Real Rmse	0.34		Pemisahan	2.64		Kebolehpercayaan Individu	0.87	
Model Rmse	0.30		Pemisahan	3.07		Kebolehpercayaan Individu	0.90	
S.E. of Student Mean	= 0.09							

JADUAL 3. Rumusan Kebolehpercayaan Item Konstruk Komunikasi

	Skor Mentah	Kiraan	Ukuran Kesukaran	Ralat Model	Infit		Outfit	
					Min.	Zon Standard	Min.	Zon Standard
Min	483.2	127	0	0.15	0.99	-0.1	1.02	-0.1
SP	30.5	0	0.49	0.01	0.31	2.1	0.44	2.2
Mak.	507	127	2.36	0.16	2.39	9.2	3.2	9.9
Min.	327	127	-0.5	0.11	0.67	-2.6	0.66	-2.7
Real Rmse	0.15		Pemisahan	3.08		Kebolehpercayaan Item		0.90
Model Rmse	0.15		Pemisahan	3.19		Kebolehpercayaan Item		0.91
S.E. of Student Mean = 0.09								



RAJAH 1. Pemetaan Kesukaran Item – Kebolehan Guru Pelatih Bahasa Melayu Konstruk Komunikasi

KEMAHIRAN GENERIK KEPIMPINAN GURU OPSYEN BAHASA MELAYU

Jadual 4 mempamerkan indeks kebolehpercayaan individu ialah 0.90. Nilai ini merupakan nilai yang baik (Sekaran 2003) untuk menjangkakan tahap ketekalan susunan kedudukan individu pada skala

logit sekiranya sampel ini menjawab set item yang berbeza, tetapi mengukur konstruk yang sama (Wright & Masters 1982). Nilai indeks pemisahan individu pula ialah 2.94, yang bermaksud terdapat tiga tahap kebolehan guru pelatih Bahasa Melayu yang dikenal pasti dalam kajian ini. Nilai ini

JADUAL 4. Rumusan Kebolehpercayaan Individu Konstruk Kepimpinan

	Skor Mentah	Kiraan	Ukuran Kesukaran	Ralat Model	Infit		Outfit	
					Min.	Zon Standard	Min.	Zon Standard
Min.	106	27	1.68	0.37	0.97	-0.5	0.97	-0.5
SP	10.5	0	1.28	0.06	0.71	2.4	0.71	2.4
Mak.	133	27	6.3	0.73	4.03	9.9	4.03	9.9
Min.	63	27	-1.59	0.2	0.02	-5.7	0.02	-5.7
Real Rmse	0.41		Pemisahan 2.94		Kebolehpercayaan Individu		0.90	
Model Rmse	0.37		Pemisahan 3.32		Kebolehpercayaan Individu		0.92	
S.E. of Student Mean = 0.11								

JADUAL 5. Rumusan Kebolehpercayaan Item Konstruk Kepimpinan

	Skor Mentah	Kiraan	Ukuran Kesukaran	Ralat Model	Infit		Outfit	
					Min.	Zon Standard	Min.	Zon Standard
Min.	498.7	127	0	0.16	0.99	0	0.97	-0.2
SP	12.2	0	0.31	0.01	0.17	1.2	0.17	1.2
Mak.	523	127	0.87	0.17	1.29	1.8	1.25	1.6
Min.	462	127	-0.67	0.14	0.65	-2.5	0.64	-2.6
Real Rmse	0.17		Pemisahan 1.58		Kebolehpercayaan Item		0.71	
Model Rmse	0.16		Pemisahan 1.66		Kebolehpercayaan Item		0.73	
S.E. of Item Mean = 0.06								

menunjukkan keboleh percayaan sampel yang tinggi, iaitu 0.80 (Linacre 2006).


Jadual 5 mempamerkan indeks kebolehpercayaan item ialah 0.71. Nilai ini merupakan nilai yang boleh diterima (Pallant 2001; Sekaran 2003) untuk menjangkakan tahap ketekalan susunan kedudukan item pada skal logit sekiranya set item ini dijawab oleh kumpulan sampel yang lain tetapi sepadan dari segi kebolehan (Wright & Masters 1982). Nilai indeks pemisahan item ialah 1.58 yang bermaksud item-item konstruk kepimpinan dalam skala ini dapat dibezakan secara statistik kepada 2 aras kesukaran.

Rajah 2 memperlihatkan dengan jelas satu hierarki kebolehan individu dan kesukaran item dalam satu garis lurus. Didapati semua item tersebar dengan baik dan menghala ke sasaran pelbagai aras kebolehan guru pelatih Bahasa Melayu. Kesimpulannya set item ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana item-item konstruk komunikasi dengan pelbagai aras kesukaran berjaya mengukur tahap kepimpinan guru pelatih Bahasa Melayu (Bond & Fox 2001).

KEMAHIRAN GENERIK KERJA BERKUMPULAN GURU OPSYEN BAHASA MELAYU

Jadual 6 mempamerkan indeks kebolehpercayaan individu ialah 0.86. Nilai ini merupakan nilai yang baik (Sekaran 2003) untuk menjangkakan tahap ketekalan susunan kedudukan individu pada skala logit sekiranya sampel ini menjawab set item yang berbeza tetapi mengukur konstruk yang sama (Wright & Masters 1982). Nilai indeks pemisahan individu pula ialah 2.48, yang bermaksud terdapat dua tahap kebolehan guru pelatih Bahasa Melayu yang dikenal pasti dalam kajian ini. Nilai ini menunjukkan keboleh percayaan sampel yang tinggi iaitu 0.80 (Linacre 2006).

Jadual 7 mempamerkan indeks kebolehpercayaan item ialah 0.77. Nilai ini merupakan nilai yang boleh diterima (Pallant 2001; Sekaran 2003) untuk menjangkakan tahap ketekalan susunan kedudukan item pada skal logit sekiranya set item ini dijawab oleh kumpulan sampel yang lain tetapi sepadan dari segi kebolehan (Wright & Masters 1982). Nilai indeks pemisahan item ialah 1.81 yang bermaksud



RAJAH 2. Pemetaan Kesukaran Item – Kebolehan Guru Pelatih Bahasa Melayu Konstruk Kepimpinan

JADUAL 6. Rumusan Kebolehpercayaan Individu Konstruk Kerja Berkumpulan

	Skor Mentah	Kiraan	Ukuran Kesukaran	Ralat Model	Infit Min.	Infit Zon Standard	Outfit Min.	Outfit Zon Standard
Min.	90	23	1.43	0.39	0.93	-0.7	0.94	-0.7
SP	8.4	0	1.2	0.06	0.92	2.6	0.92	2.6
Mak.	107	23	4.3	0.45	5.08	9.9	5.2	9.9
Min.	57	23	-1.34	0.21	0.03	-4.7	0.02	-4.8
Real Rmse	0.45		Pemisahan 2.48		Kebolehpercayaan Individu		0.86	
Model Rmse	0.40		Pemisahan 2.86		Kebolehpercayaan Individu		0.89	
S.E. of Student Mean = 0.11								

JADUAL 7. Rumusan Kebolehpercayaan Item Konstruk Kerja Berkumpulan

	Skor Mentah	Kiraan	Ukuran Kesukaran	Ralat Model	Infit		Outfit	
					Min.	Zon Standard	Min.	Zon Standard
Min.	492.9	126	0	0.16	0.99	-0.1	0.94	-0.4
SP	13.3	0	0.34	0.01	0.19	1.1	0.18	1.1
Mak.	524	126	0.69	0.18	1.61	3.1	1.44	2.4
Min.	463	126	-0.88	0.14	0.62	-2.6	0.59	-2.9
Real Rmse	0.16		Pemisahan	1.81		Kebolehpercayaan Individu		0.77
Model Rmse	0.16		Pemisahan	1.87		Kebolehpercayaan Individu		0.73
S.E. of Student Mean = 0.07								

item-item konstruk kerja berkumpulan di dalam skala ini dapat dibezakan secara statistik kepada dua aras kesukaran.

Rajah 3 memperlihatkan dengan jelas satu hierarki kebolehan individu dan kesukaran item dalam satu garis lurus. Didapati semua item tersebar dengan baik dan menghala ke sasaran pelbagai aras kebolehan sampel. Kesimpulannya set item ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana item-item konstruk komunikasi dengan pelbagai aras kesukaran berjaya mengukur tahap kerja berkumpulan guru pelatih Bahasa Melayu (Bond & Fox 2001).

PERBINCANGAN


Hasil analisis Model Rasch terhadap setiap konstruk MyGSI memperoleh nilai indeks kebolehpercayaan individu antara 0.86 hingga 0.90. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesemua tiga konstruk MyGSI mempunyai kebolehpercayaan individu yang tinggi. Nilai ini merupakan nilai yang baik (Sekaran 2003) untuk menjangkakan tahap ketekalan susunan kedudukan individu pada skala logit sekiranya sampel ini menjawab set item yang berbeza, tetapi mengukur konstruk yang sama (Wright & Masters 1982). Analisis terhadap kebolehpercayaan item pula mendapati nilai kebolehpercayaan item bagi tiga konstruk MyGSI adalah baik iaitu antara 0.71 hingga 0.90. Nilai ini menunjukkan jangkaan pengulangan semula susunan kedudukan item-item MyGSI dalam setiap konstruk adalah tinggi jika set item ini dijawab oleh kumpulan sampel yang lain tetapi sepadan dari segi kebolehan (Wright & Masters 1982)

Bilangan strata individu bagi setiap konstruk MyGSI didapati terdapat dua tahap kebolehan

guru pelatih Bahasa Melayu dalam kajian ini. Dapatan ini membuktikan kebolehpercayaan individu yang tinggi selaras dengan pandangan Linacre (2005) yang menyatakan bahawa indeks pemisahan individu dua dan ke atas menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu 0.80 dan ke atas. Manakala analisis terhadap bilangan strata item bagi setiap konstruk pula mendapati item-item konstruk komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan dalam skala dapat dibezakan secara statistik kepada dua aras kesukaran. Berdasarkan peta kesukaran item-kebolehan individu dapat diperhatikan dengan jelas item-item tersebar dengan baik pada garis linear menghala ke sasaran guru pelatih Bahasa Melayu. Dapatan ini selaras dengan saranan Bond dan Fox (2001) berkaitan kriteria kebolehpercayaan item yang tinggi. Peta kesukaran item-kebolehan individu juga menunjukkan tahap keupayaan guru pelatih Bahasa Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap kesukaran item bagi ketiga-tiga konstruk di dalam MyGSI, iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa beberapa item instrumen MyGSI perlu diperhalusi dan diperbaiki bagi meningkatkan indeks kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kemahiran generik. Analisis statistik di dalam kajian ini menggunakan Model Rasch. Penyelidik, pendidik dan pembina-pembina item perlu mengambil berat mengenai kebolehpercayaan dan kesahan konstruk sesuatu item agar instrumen tersebut dapat mengukur dengan adil dan mempunyai aras kesukaran yang berbeza. Sehubungan itu, diharapkan kajian ini



RAJAH 3. Pemetaan Kesukaran Item – Kebolehan Guru Pelatih Bahasa Melayu Konstruk Kerja berkumpulan

akan dapat memberi sumbangan dalam penghasilan sebuah instrumen tempatan yang memiliki kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi untuk digunakan bagi menguji tahap kemahiran generik individu di Malaysia. Kajian ini amat penting terutama untuk memberi pendedahan kepada pengkaji, pembina instrumen dan pembina soalan agar mementingnya kesahan dan kebolehpercayaan. Kebolehpercayaan item dan individu harus dipandang serius bagi memastikan instrumen yang dibina dan sampel memiliki tahap konsistensi yang tinggi. Justeru pengkaji mengemukakan beberapa cadangan berikut:

1. Item-item yang mempunyai ukuran kesukaran yang sama sebaiknya dilihat semula serta

diubah suai agar dapat memberikan aras kesukaran yang pelbagai. Ini penting bagi memastikan bahawa item-item tersebut tersebar dengan baik dan seterusnya instrumen yang dibina atau digunapakai berupaya mengukur pelbagai tahap kebolehan responden.

2. Penggunaan laras bahasa, istilah dan frasa yang betul serta tepat perlu dititikberatkan dalam pembinaan instrumen agar dapat difahami dengan jelas oleh responden.
3. Menjalankan kajian seumpama ini menggunakan sampel dikawasan lain di Malaysia.

Kesimpulannya MyGSI merupakan satu instrumen kemahiran generik yang baik dari segi

kesahan dan kebolehpercayaannya dalam mengukur tahap kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan guru pelatih Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Allan, J. & Clarke, K. 2007. Nuturing supportive learning environments in higher education through the teaching of study skills: To embed or not to embed? *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 19(1): 64-76.
- Ballantine, J. & Larres, P. M. 2007. Cooperative learning: A pedagogy to improve students' generic skills? *Education & Training* 49(2): 126-137.
- Bath, D., Smith, C., Stein, S. & Swann, R. 2004. Beyond mapping and embedding graduate attributes: Bringing together quality assurance and action learning to create a validated and living curriculum. *Higher Education Research and Development* 23(3): 313-328.
- Bennett N. Dunne, E. & Carre, C. 2000. *Skills development in higher education and employment*. Buckingham: Society for Research into Higher Education and Open University Press.
- Biggs, J. 2003. *Teaching for quality learning at university*. Maidenhead: Society for Research into Higher Education & Open University Press.
- Bond, T.G. & Fox, C.M. 2001. *Applying the Rasch Model: Fundamental measurement in the human sciences*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Canning, R. 2007. Reconceptualising core skills. *Journal of Education and Work* 20(1): 17-26.
- Crebert, G., Bates, M., Bell, B., Patrick, C.J. & Cragnolini, V. 2004. Developing generic skill at university, during work placement and in employment: graduates' perceptions. *Higher Education Research and Development* 23(2): 147-165.
- Dunne, E., Bennett, N. & Carre, C. 2000. *Skill development in higher education and employment*. Bristol: Carfax Publishing.
- Eunson, B. 2007. *Communication in the workplace*. 1st Edition. Sidney: Wiley & Sons.
- Gilbert, R., Balatti, J., Turner, P. & Whitehouse, H. 2004. The GS debate in research higher degrees. *Higher Education Research and Development* 23(3): 375-388.
- Ishak Hj. Suliaman. 1998. *Institusi keluarga era masyarakat madani*. Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Edisi Januari-Jun.
- Jager, K.D. & Nassimbeni, M. 2005. Information literacy and quality assurance in South African higher education institutions. *South African Journal of Libraries and Information Science* 55: 31-38.
- Leggett, M., Kinnear, A., Boyce, M. & Bennett, I. 2004. Student and staff perceptions of the importance of generic skill in science. *Higher Education Research and Development*, 23(3): 295-312.
- Linacre, M. 2007. *A user's guide to WINSTEPS-MINISTEP: Rasch-model computer programs*. Chicago: MESA Press.
- Lizzio, A. & Wilson, K. 2004. *First-year students' perceptions of capability*. Bristol: Carfax Publishing.
- Lois, B., Hart, E.D. & Charlotte S.W. 2005. *The leadership training activity book: 50 exercises for building effective Leaders*: New York: Prentice-Hall.
- Lublin, J. 2003. *Generic objectives and transferable skills*. Centre for Teaching and Learning. Good Practice in Teaching and Learning. Washington DC.
- Malaysian Qualifications Framework. 2006. *Reference point and joint understanding of the qualifications for higher studies awarded in Malaysia*. Putrajaya: National Accreditation Board.
- Marlene, Caroselli. 2000. *Leadership skills for managers*. Boston: The McGraw-Hill Co.
- Moore, T. 2004. The critical thinking debate: how general are general thinking skills? *Higher Education Research and Development* 23(1): 3-18.
- Murphy, R. 2001. *A briefing on key skills in higher education*. Birmingham: University of Nottingham Press.
- Norfadzillah Hitam. 1997. Kualiti graduan UTM berdasarkan prestasi kerja: Penilaian pihak Ketua Jabatan (Majikan) dan penilaian sendiri graduan UTM. Sarjana Pentadbiran. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Oliver, R. & Herrington, M. 1999. *Exploring the development of students' generic skills development in higher education using a web-based learning environment*.
- Pallant, J.F. & Tennant, A. 2007. An introduction to the Rasch measurement model: an example using the Hospital Anxiety and Depression Scale (HADS) *British Journal of Clinical Psychology* 46: 1-18.
- Sekaran, U. 2003. *Research methods for business: A skill building approach* (4th.ed) USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Siti Rahayah Ariffin, Noriah Mohd Ishak, Abdul Ghafur Ahmad, Rodiah & Nur' Ashiqin Najmuddin. 2008. Communication, leadership, and teamwork skills as core competencies among higher education students. *Proceeding ASAIHL International Conference, Bangkok 2008*. 149-158.
- Wright, B. D. & Masters, G. N. 1982. *Rating scales analysis*. Chicago: MESA Press.

Zamri Mahamod
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor